## PP lwn. BRANDEN YAP HONG SHENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-28-05-2023]
22 MAY 2023

**Abstrak** – *Sekiranya terdapat penggunaan koma bertitik (;) dan perkataan 'or' di penghujung perenggan mana-mana peruntukan, itu bermakna perenggan itu berdiri secara sendiri dan perlu dibaca secara berasingan. Memandangkan perenggan-perenggan bawah s. 293(1) Kanun Tatacara Jenayah ada menggunakan koma bertitik (;) dan perkataan 'or' di penghujungnya, maka, mahkamah tidak boleh, dalam menjatuhkan hukuman, menggabungkan mana-mana perenggan itu.*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Semakan – Permohonan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen – Tertuduh dijatuhkan hukuman bawah ss. 293(1)(b) dan 293(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah secara bersekali – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf – Sama ada penggunaan koma bertitik (;) dan perkataan 'or' di penghujung perenggan peruntukan menunjukkan perenggan perlu dibaca secara berasingan – Kanun Tatacara Jenayah, s. 323(1)*

Di Mahkamah Sesyen, akibat melakukan kesalahan memukul dan membakar seekor anjing, tertuduh dituduh bawah s. 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 ('Akta'). Selepas tertuduh membuat pengakuan salah, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') (i) memerintahkan tertuduh untuk diikat dengan bon berkelakuan baik selama setahun dengan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bawah s. 293(1)(b) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); dan (ii) menjatuhi tertuduh dengan hukuman sebatan rotan halus sebanyak tujuh kali bawah s. 293(1)(c) KTJ ('keputusan HMS'). Ini adalah panggilan prosiding oleh mahkamah ini bawah s. 323(1) KTJ untuk menyemak keputusan HMS berikutan timbulnya isu sama ada HMS telah terkhilaf dalam membuat keputusan HMS apabila menjatuhkan hukuman secara bersekali dengan menggabungkan kedua-dua bentuk hukuman bawah ss. 293(1)(b) dan 293(1)(c) KTJ.

**Diputuskan (mengesahkan hukuman bawah s. 293(1)(b) KTJ; mengetepikan hukuman bawah s. 293(1)(c) KTJ):**

**(1)** Berdasarkan nas-nas duluan, apabila terdapat penggunaan koma bertitik (;) dan perkataan 'or' di setiap akhir perenggan mana-mana peruntukan, itu bermakna perenggan-perenggan itu adalah berdiri secara sendiri dan hendaklah dibaca secara berasingan. Dalam kes semasa, memandangkan dalam peruntukan bawah s. 293(1)(a) hingga (e) juga terdapat penggunaan koma bertitik dan perkataan 'or', maka, HMS telah melakukan kekhilafan dalam membuat keputusan HMS apabila menjatuhkan hukuman bawah s. 293(1)(b) KTJ dengan hukuman bawah

A s. 293(1)(c) KTJ secara bersekali terhadap tertuduh. Sehubungan itu, dengan menggunakan kuasa semakan bawah s. 323(1) KTJ, diperintahkan agar hukuman bawah s. 293(1)(b) disahkan manakala hukuman bawah s. 293(1)(c) diketepikan. (perenggan 19-20, 22 & 23)

**Kes-kes yang dirujuk:**

B *Chin Choy & Ors v. Collector Of Stamp Duties [1978] 1 LNS 26 FC* ***(dirujuk)***
*Liaw Kwai Wah & Anor v. PP[1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC* ***(dirujuk)***
*Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd [2002] 1 CLJ 645 FC* ***(dirujuk)***
*PP lwn. MFK [2010] 6 CLJ 95 HC* ***(diikuti)***
C *PP v. Muhamad Syafiq Abd Wahab [2009] AMEJ 0188* ***(diikuti)***
*PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals [2005] 1 CLJ 713 FC* ***(dirujuk)***
*Yeo Peck Chie v. KS Gill & Co [1946] 1 LNS 35 PC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Child Act 2001, s. 91(1)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h)
Criminal Procedure Code, ss. 293(1)(a), (b), (c), (d), (e), 323(1)
D Penal Code, s. 377C

*Bagi pihak perayu - Muhammad Syafiq Mohd Ghazali; TPR*
*Bagi pihak responden - GK Sritharan; T/n GK Sritharan & Co*

*Dilaporkan oleh Syamim Ariffin*

E

## PENGHAKIMAN

**Abu Bakar Katar H:**

**Pengenalan**

F **[1]** Tertuduh telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor Darul Takzim (Kes JA-63-18-04/2023) atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 27.3.2023 jam lebih kurang 1.49 pagi di hadapan premis yang beralamat No. 43A, Jalan Impian Emas 22, Taman Impian
G Emas, dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor dengan kejamnya menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya kepada seekor anjing betina warna coklat. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum di bawah s. 29(1) Akta yang sama.

H **[2]** Tertuduh pada 12 April 2023 telah mengaku bersalah di hadapan Tuan Hakim, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru (Tuan HMS itu). Pegawai Pendakwa yang mengendalikan pendakwaan telah mengemukakan fakta kes (P1) dan ekshibit lainnya (P2 hingga P7(a)-(g)]. Tuan HMS itu kemudiannya menangguhkan kepada 18 April 2023 untuk fakta dan hukuman (sepatutnya hukuman sahaja).

I

**[3]** Tuan HMS itu pada 18 April 2023 telah merekodkan tertuduh bersalah dan menjatuhi hukuman pilihan yang diperuntukkan di bawah s. 293(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). Tuan HMS itu memerintahkan bon berkelakuan baik selama setahun dengan jaminan RM10,000 dan seorang penjamin di bawah s. 293(1)(b) KTJ dan hukuman sebatan rotan halus sebanyak tujuh kali di bawah s. 293(1)(c) KTJ.

**[4]** Mahkamah ini telah memanggil rekod prosiding bagi tujuan semakan mengikut peruntukan s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

**Latar Pentas Kes**

**[5]** Secara ringkasnya, fakta kes pendakwaan seperti berikut: pada 28 Mac 2023 jam lebih kurang 12.30 tengahari, Dr Norshazmira binti Saleh, Pegawai Veterinar bersama Encik Mohd Fazli bin Yushak dan Encik Muhammad Shafeq bin Md Kamil (pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta itu) menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas seekor anjing yang digelar "Mummy". Pemeriksaan dijalankan hasil aduan awam berkenaan seorang lelaki (tertuduh) telah memukul dan membakar seekor anjing. Dr Norshazmira telah melakukan pemeriksaan di Klinik Vetmedic Petlover, Taman Impian Emas, Skudai, Johor Bahru, Johor.

**[6]** Hasil pemeriksaan yang dilakukan menunjukkan anjing berada dalam keadaan ketakutan, serta terdapat kesan lebam dan terbakar di bahagian peha kiri, luka pada kaki hadapan dan pendarahan di bahagian mata sebelah kiri.

**[7]** Berdasarkan rakaman CCTV di lokasi kejadian, tertuduh telah memukul dan membakar anjing tersebut di hadapan sebuah premis No. 43A, Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai, 81300 Johor Bahru, Johor. Perbuatan tertuduh ini jelas dirakam di CCTV sebagaimana dizahirkan di dalam gambar-gambar (P5A hingga J).

**[8]** Hasil siasatan yang dijalankan membuktikan tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah s. 29(1)(e) Akta itu kerana dengan zalimnya telah memukul dan membakar seekor anjing pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan. Dr Norshazmira telah membuat laporan polis sebagaimana Skudai Report No: 002383/23 [P3]. Dr Norshazmira selaku pegawai penyiasat telah menyediakan "laporan siasatan mengenai aduan penganiayaan anjing" [P7].

**Merit Permohonan Semakan Jenayah**

**[9]** Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan tertuduh, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

**[10]** Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We could observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

**[11]** Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor* (*supra*), mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya. Mahkamah ini turut menimbangkan hujahan pihak-pihak, perkara pokok yang perlu disemak berkaitan pemakaian hukuman pilihan yang diperuntukan di bawah s. 293(1)(a) hingga (e) KTJ sama ada ia merupakan pilihan salah satu atau boleh digabungkan dengan mana-mana hukuman.

**[12]** Dalam kes semasa, Tuan HMS itu telah menggabungkan dua hukuman iaitu bon berkelakuan baik di bawah s. 293(1)(b) KTJ dengan sebatan rotan halus sebanyak tujuh kali di bawah s. 293(1)(c) KTJ.

**[13]** Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dan peguam yang mewakili tertuduh mengambil pendirian yang sama iaitu Tuan HMS itu terkhilaf apabila menjatuhi hukuman secara bersekali iaitu paras. (b) dan (c) digabungkan dan bukannya secara berasingan iaitu memilih salah satu hukuman di bawah s. 293(1)(a) hingga (e) KTJ.

**[14]** Sebelum mahkamah ini menyentuh lebih lanjut isu ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 293 KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> (1) When any youthful offender is convicted before any Criminal Court of any offence punishable by fine or imprisonment, the Court may, instead of awarding any term of imprisonment in default of payment of the fine or passing a sentence of imprisonment:
>
> (a) order the offender to be discharged after due admonition if the Court shall think fit;
>
> (b) order the offender to be delivered to his parent or to his guardian or nearest adult relative or to such other person as the Court shall designate on such parent, guardian, relative or other person executing a bond with or without a surety or sureties, as the Court

may require, that he will be responsible for the good behaviour of the offender for any period not exceeding twelve months or without requiring any person to enter into any bond make an order in respect of the offender ordering him to be of good behaviour for any period not exceeding two years and containing any directions to that offender in the nature of the conditions referred to in paragraphs 294A(a), (b) and (c) which the Court shall think fit to give;

(c) order the offender, if a male, to be whipped with not more than ten strokes of a light cane or rattan within the Court premises and in the presence, if he desires to be present, of the parent or guardian of that offender;

(d) deal with the offender in the manner provided by the Child Act 2001 [Act 611]; or

(e) (i) to make an order requiring the offender to perform community service, not exceeding 240 hours in aggregate, of such nature and at such time and place and subject to such conditions as may be specified by the Court;

(ii) in this paragraph, "community service" means any work, service or course of instruction for the betterment of the public at large and includes, where any work performed involves payment to the prison or local authority; and

(iii) the community service under this paragraph shall be under the Minister charged with the responsibility for women, family and community.

**[15]** Sebelum mahkamah ini menyentuh lebih lanjut, eloklah disentuh tafsiran statut sekiranya ia melibatkan tanda koma bertitik (;) juga "or". Mahkamah ini merujuk nas duluan bagi mendapatkan panduan dalam merungkai keadaan sama ada peruntukan tersebut perlu dibaca secara "conjunctively" atau dibaca secara "disjunctively".

**[16]** Mahkamah ini merujuk kes *PP lwn. MFK* [2010] 6 CLJ 95 di mana ia melibatkan tafsiran peruntukan s. 91(1)(a) hingga (h) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 2001). Dalam kes ini pesalah menghadapi pertuduhan s. 377C Kanun Keseksaan. Pesalah mengaku bersalah dan Majistret menjatuhi hukuman menjalani pemulihan di Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun di bawah s. 91(1)(f) Akta 2001 dan tiga sebatan rotan di bawah s. 91(1)(g) Akta 2001. Majistret yang merasa curiga dengan kebetulan atau keteraturan hukuman sebatan yang diperintahkan telah menghantar rekod prosiding untuk semakan Mahkamah Tinggi, Johor Bahru.

**[17]** Mahkamah ini sedar dalam mentafsirkan sesuatu peruntukan di bawah undang-undang bertulis, perkara paling utama ialah pentafsiran secara literal sekiranya tidak terdapat sebarang kekaburan dalam peruntukan undang-undang tersebut serta niat penggubal undang-undang dapat dilihat dengan

jelas daripada peruntukan undang-undang tersebut (lihat *PP v. Tan Tatt Eek & Other Appeals* [2005] 1 CLJ 713; *Megat Najmuddin Dato' Seri (Dr) Megat Khas v. Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [2002] 1 CLJ 645; *Chin Choy & Ors v. Collector Of Stamp Duties* [1978] 1 LNS 26 dan *Yeo Peck Chie v. KS Gill & Co* [1946] 1 LNS 35).

**[18]** Berbalik kepada kes *MFK* (*supra*), ia membabitkan peruntukan s. 91(1)(f) Akta 2001 dan s. 91(1)(g) Akta 2001 sama ada hukuman boleh dijatuhi secara bersekali iaitu menggabungkan mana-mana perenggan s. 91(1) Akta 2001.

**[19]** Mahkamah ini berkongsi pandangan dengan YA Kamardin H (pada ketika itu) dalam merungkai isu yang sama sebagaimana pengamatannya seperti berikut:

> [11] Adalah diperhatikan setiap akhir perenggan (a) hingga (g) s. 91(1) Akta terdapat koma bertitik (semi-colon) yang menunjukkan setiap satu perenggan berdiri dengan sendirinya dan hendaklah dibaca secara berasingan. Ini bermakna semua perenggan atau satu perenggan tidak boleh dibaca bersama dengan satu perenggan yang lain. Jika pihak penggubal undang-undang ingin memberi kuasa kepada Puan Majisteret untuk mengeluarkan perintah bercorak kombinasi atau lebih daripada satu perenggan (a) hingga (h) di bawah peruntukan tersebut maka perlulah permulaan peruntukan tersebut perkataan-perkataan seperti "mempunyai kuasa untuk mengeluarkan mana- mana satu perintah atau perintah-perintah yang berikut" atau seumpamanya bagi memberikan kuasa yang jelas kepada Puan Majisteret untuk mengenakan dua atau lebih perintah yang disebutkan dalam perenggan (a) hingga (h) secara serentak. Tanpa peruntukan yang nyata, Puan Majisteret tidak boleh menggunakan perintah di bawah perenggan (f) dan (g) secara serentak. Jika tafsiran mana-mana perenggan (a) hingga (h) boleh dilaksanakan serentak diterimapakai maka akan berlaku percanggahan dan tidak masuk akal serta mustahil dilakukan oleh kerana setiap perenggan tidak boleh mengkomplimen antara satu sama lain.

**[20]** Berbalik kepada kes semasa, peruntukan s. 293(1)(a) hingga (e) KTJ juga mempunyai koma bertitik (;) sebagaimana peruntukan s. 91(1)(a) hingga (h) Akta 2001. Mahkamah ini berpendapat penghakiman ini tidak sempurna tanpa merujuk penghakiman YA Dato' Zabidin H (sekarang YAA Hakim Besar Malaya) dalam kes *PP v. Muhamad Syafiq Abd Wahab* [2009] AMEJ 0188 ada menyentuh isu yang sama. Dalam kes *Muhamad Syafiq Abd Wahab* (*supra*), pesalah muda menghadapi pertuduhan bawah s. 395 Kanun Keseksaan. HMS telah menjatuhi hukuman rotan halus sebanyak sepuluh kali mengikut peruntukan s. 293(1)(c) KTJ dan perintah khidmat masyarakat di bawah s. 293(1)(e) KTJ. HMS telah menggabungkan dua hukuman iaitu paras. (c) dan (e). Dalam kes semasa, HMS telah menjatuhi hukuman bon

berkelakuan baik di bawah s. 293(1)(b) KTJ dan sebatan rotan halus sebanyak tujuh kali di bawah s. 293(1)(c) KTJ serentak. Mahkamah ini merujuk penghakiman kes *Muhamad Syafiq Abd Wahab* (*supra*), di mana YA Hakim berpendapat:

> However reading Section 293 CPC shows the word 'or' is used in between the limb 'd' and 'e'. This means, these options of sentences must be read disjunctively. Therefore the issue that arises is can the learned Session Judge imposed both the sentence *ie*, whipping and community service?

**[21]** YA Hakim dalam penghakimannya memutuskan isu ini seperti berikut:

> After hearing all the parties and looking at the authorities submitted, I agree with the learned DPP Encik Yaakup from Ag's Chamber, Dato Sivanathan, Encik Edmon Boon Tai Soon from the Malaysian Bar and Encik Mohd Ikwan, counsel for the accused who had submitted a common stand that *Session Court is only empowered to imposed one of the 5 options under section 293. The Session Court Judge in this case had erred when he made the order whipping and community service. The Court may only order one or the other [See also PP v. Velory Libong [2005] 4 CLJ; Teo Siew Peng & 4 Ors v. PP [1985] 2 MLJ 125]. By combining the sentence of whipping with that of community service as what is done in this case make the sentence illegal*.
>
> (penekanan ditambah)

**[22]** Mahkamah ini bersetuju dan sependapat dengan nas-nas duluan yang dirujuk sebelum ini iaitu kes *MFK* (*supra*) dan *Muhamad Syafiq Abd Wahab* (*supra*), memutuskan HMS secara salah apabila memilih hukuman bon di bawah s. 293(1)(b) KTJ bersama hukuman sebatan rotan halus di bawah s. 293(1)(c) KTJ ke atas tertuduh.

**Kesimpulan**

**[23]** Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada di bawah s. 323(1) KTJ dan memerintahkan:

(i) perintah sebatan rotan halus sebanyak tujuh kali di bawah s. 293(1)(c) KTJ diketepikan; dan

(ii) perintah bon berkelakuan baik untuk tempoh satu tahun dengan jaminan RM10,000 dan seorang penjamin di bawah s. 293(1)(b) KTJ disahkan.